

LAPORAN PROJEK BORNEO: MISI SEMPORNA 2026

10-14 Ogos 2026
Semporna, Sabah

ISI KANDUNGAN

03 BUTIRAN PROGRAM

04 AHLI SUKARELAWAN

05 LAPORAN HARIAN

10 LAPORAN KEWANGAN

11 CADANGAN

13 KALAM PENGARAH

PRINSIP

PEMULIHAN BERASASKAN KEPERLUAN
PEMULIHAN LESTARI
KERJASAMA SINERGI BERSAMA YAYASAN IKHLAS

5 HARI
10 - 14 OGOS 2026

LEBIH DARI RM 18K
BERJAYA DIKUMPUL

9 SUKARELAWAN
PELAJAR MALAYSIA LUAR NEGARA

9 KAWASAN SASARAN
SERATA SEMPORNA

6 PUSAT PENDIDIKAN
3 SEKOLAH MENENGAH & 3 PUSAT PENGAJIAN

2 PERKAMPUNGAN
DI PULAU BAIT, SEMPORNA

BERJAYA DISANTUNI



SUKARELAWAN MISI SEMPORNA 2026



WAFA' — TIMB PENGARAH

UNIVERSITY OF MANCHESTER



HAFIY — PENGARAH

UNIVERSITY OF WARWICK



HADI — BENDAHARI

UNIVERSITY OF READING



AIMAN — BIRO MEDIA

UNIVERSITY OF MANCHESTER



SOFIAH — SETIAUSAHA

UNIVERSITY OF MANCHESTER



ALIF — BIRO LOGISTIK

UNIVERSITY OF SOUTHAMPTON



HAURA' — BIRO MEDIA

UNIVERSITY OF YORK



SAFWAN — BIRO TAJAAN

UNIVERSITY OF MANCHESTER



MYA — BIRO TAJAAN

UNIVERSITY OF YORK

LAPORAN HARIAN

PERKARA 1: MALAM PERASMIAN DAN PERGERAKAN KE SEMPORNA



SESI PERKONGSIAN OLEH AKHI SYAFIQ, WAKIL YAYASAN IKHLAS

Program dimulakan dengan sesi taklimat dan pengisian yang disampaikan oleh Akhi Syafiq, wakil daripada Yayasan Ikhlas. Sesi ini memberikan pendedahan berkaitan realiti kehidupan serta latar belakang masyarakat di Semporna, termasuk situasi dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti setempat. Pengisian ini turut menjadi persediaan awal kepada kami sebelum bertolak ke Semporna.

PERSEDIAAN DAN PERGERAKAN KE KLIA2

Kami bergerak dari Pejabat ISMA Bangi menuju ke KLIA2 pada jam 3.00 pagi bagi meneruskan perjalanan ke Tawau. Sebelum bertolak, semua barangan bantuan yang telah disediakan seperti alat tulis dan roti Gardenia, turut disemak bagi memastikan kesemuanya berada dalam keadaan baik dan lengkap untuk dibawa bersama.





KETIBAAN DI LAPANGAN TERBANG TAWAU, SABAH

Sekitar jam 9.00 pagi, kami selamat tiba di Tawau, Sabah. Setelah selesai melalui pemeriksaan imigresen dan tuntutan bagasi, kami kemudiannya dijemput oleh Akhi Shamri, wakil Yayasan Ikhlas Sabah untuk meneruskan perjalanan dengan menaiki van ke Semporna. Beliau turut menjadi pengiring utama kami sepanjang keberadaan di Sabah.

LAPORAN HARIAN

PERKARA 2: LAWATAN TAPAK DAN ZIARAH QUDAMA ISMA SEMPORNA





LAWATAN KE PUSAT PEMBELAJARAN ISLAM AL-HUDA (PPIAH) PEKAN 2 & PPIAH KUALA BIBANG

Sejurus tiba di Semporna, kami terus menjalankan lawatan tapak *(site visit)* ke PPIAH Pekan 2 dan PPIAH Kuala Bibang. Lawatan ini bertujuan untuk melihat sendiri keadaan serta keperluan di kedua-dua lokasi bagi memastikan aktiviti bersama kanak-kanak pada keesokan harinya dapat dilaksanakan dengan baik. Antara persediaan yang dikenal pasti termasuklah keperluan barangan hiasan serta kelengkapan untuk menceriakan dan mengemas ruang perpustakaan di PPIAH Pekan 2.

PERSIAPAN AGIHAN BAKUL MAKANAN DI PULAU BAIT

Seterusnya, kami turut membuat persiapan bagi agihan bakul makanan kepada keluarga di Pulau Bait yang akan dilaksanakan pada hari keempat. Sebanyak 125 bakul makanan telah disediakan, dengan setiap bakul mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan lain-lain. Kesemua barangan tersebut kemudiannya dibungkus dan disusun di dalam plastik bagi memudahkan proses pengagihan kepada keluarga penerima.



SESI PERKONGSIAN OLEH AKHI HASSAN

Pada sebelah malam, kami mengadakan Ziarah Qudama ke rumah Ketua ISMA Semporna. Sesi ini menjadi ruang untuk kami berkenalan dan beramah mesra bersama pihak setempat, di samping mendapatkan nasihat serta perkongsian daripada beliau. Selain itu, sesi ini turut memberi penekanan kepada kepentingan memperbetulkan dan memperbaharui niat dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawanan.





LAPORAN HARIAN

PERKARA 3: PELAKSANAAN AKTIVITI DI PPIAH DAN KAMPUNG SALIMBANGUN TENGAH

SUKANEKA ILMIAH DI PPIAH KUALA BIBANG DAN PPIAH PEKAN 2





Keesokan harinya, kami melaksanakan aktiviti sukaneka ilmiah bersama para pelajar PPIAH Kuala Bibang. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah membawa bola menggunakan sudu, menyusun ayat Al-Quran, cerdik doa dan mencari gula-gula dalam tepung. Setelah selesai aktiviti, kami turut mengiringi mereka yang tinggal di rumah atas air untuk pulang sambil berkesempatan mempelajari kehidupan masyarakat setempat.





Kami juga mengadakan beberapa aktiviti sukaneka lain seperti lari dalam guni dan bola beracun di PPIAH Pekan 2. Pada masa yang sama, beberapa orang sukarelawan bersama para pelajar ditugaskan untuk mengemas dan menceriakan sudut bacaan serta memasang hiasan bertemakan kemerdekaan di pusat tersebut.

SESI RAMAH MESRA BERSAMA PELAJAR KAFA KG SALIMBANGUN TENGAH






Pada sebelah malamnya, kami melakukan lawatan ringkas ke pusat mengaji Kampung Salimbangun Tengah untuk melihat kawasan yang akan dibina tandas dan tempat wuduk sebagai salah satu usaha projek *"Deeds That Endure"* kami. Selesai sesi suai kenal dan beramah mesra bersama mereka, kami turut berkongsi kata-kata motivasi kepada para pelajar agar memanfaatkan masa belajar dengan sebaiknya melalui usaha menimba ilmu.

LAPORAN HARIAN

PERKARA 4: PERKONGSIAN PENGALAMAN DAN AGIHAN ALAT TULIS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)

SESI PERKONGSIAN BERSAMA PELAJAR TINGKATAN 3,4 DAN 5

SMK KABOGAN II







Pada hari ketiga program, kami meluangkan masa di beberapa buah SMK terpilih untuk berkongsi pengalaman serta haluan selepas SPM. Sesi ini bertujuan menyuntik semangat kepada para pelajar untuk menyambung pengajian, berdikari dan mengejar minat mereka. Kami juga turut bergilir-gilir berkongsi maklumat berkaitan proses permohonan serta pautan yang mengiklankan pinjaman dan biasiswa pendidikan daripada badan seperti MARA, JPA, IPG, Matrikulasi (PPC), PNB, Petronas, dan tidak lupa juga Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS).

SMK BUGAYA









Usai pembentangan daripada para sukarelawan, para pelajar diberi peluang untuk bertanya lebih lanjut tentang tips memperoleh biasiswa serta kaedah ulang kaji yang berkesan. Sebagai tanda penghargaan, roti dan set alat tulis turut diagihkan kepada para pelajar yang menyertai sesi tersebut.

SMK BUGAYA II





Kami juga berkesempatan melawat SMK Bugaya dan berkongsi pengalaman bersama para pelajar di sana. Selepas sesi persekolahan tamat, kami diberi peluang melihat sendiri suasana kelas yang masih berasaskan kayu dan sering dinaiki air banjir ketika hujan lebat. Dalam sesi ini, pengetua dan beberapa orang cikgu turut berkongsi bahawa masih terdapat pelajar di Sabah yang enggan melanjutkan pelajaran di luar Sabah kerana bimbang tidak dapat menyesuaikan diri di tempat baharu yang asing bagi masyarakat mereka.

LAPORAN HARIAN

PERKARA 5: MISI AGIHAN BAKUL MAKANAN KE PULAU BAIT







KAMPUNG LUMANGGAS, PULAU BAIT

Pada hari berikutnya, seawal jam 8.30 pagi, kami telah bergerak ke Jeti Umum untuk menaiki bot menuju ke Kampung Lumanggas, Pulau Bait. Perjalanan dari jeti ke lokasi mengambil masa kira-kira 30 minit. Setibanya di Kampung Lumanggas, kami mengagihkan roti Gardenia kepada kanak-kanak serta menyerahkan sumbangan alat tulis kepada guru di madrasah berdekatan.

Selain itu, kami juga turut menjalankan aktiviti agihan bakul makanan dari rumah ke rumah kepada keluarga-keluarga di situ. Aktiviti ini memberi peluang kepada kami para sukarelawan untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan masyarakat setempat, di samping menyampaikan bantuan dan berkongsi sedikit keceriaan bersama mereka.



KAMPUNG LIMAU-LIMAU, PULAU BAIT

Selepas selesai menjalankan aktiviti di Kampung Lumanggas, kami meneruskan perjalanan ke Kampung Limau-Limau yang turut juga berada di Pulau Bait. Perjalanan ini mengambil masa kira-kira 30 minit dengan menaiki bot. Setibanya di situ, kami telah disambut baik oleh masyarakat setempat, khususnya kanak-kanak yang turut membuat persembahan sebagai tanda sambutan kepada kehadiran kami para sukarelawan.

Kami kemudiannya mengagihkan roti Gardenia kepada kanak-kanak yang hadir serta bakul makanan kepada keluarga yang memerlukan di sekitar kawasan madrasah. Aktiviti kemudiannya diteruskan dengan makan tengah hari bersama penduduk, sekali gus mengeratkan hubungan dan mewujudkan suasana kemesraan antara para sukarelawan dan komuniti Kampung Limau-Limau.



LAPORAN KEWANGAN

Transaksi	Perkara	Nilai
Kredit	Peruntukan JKC	£ 700
	Self Fund	£ 500
	Dana melalui LaunchGood	£ 285.49
	Dana daripada program Bazaar MCOT	£ 236.95
	Dana daripada program 3–Peak Challenge	£ 136
	Dana melalui GoFundMe	£ 319.64
	Sumbangan Kerajaan Negeri Sabah	RM 3000
	Kutipan dana di Akaun Yayasan Ikhlas	RM 4190
Jumlah		RM 18881.59

Transaksi	Perkara	Nilai (RM)
Debit	Baju & Banner	642
	Roti & Alat Tulis	980.13
	Pengangkutan, Bot & Tempat Tinggal Peserta	3666
	Bakul Makanan & Alatan Sukaneka	5081.15
	Cenderahati	92.75
	Makanan Peserta	226
	Kerusi & Fasiliti (Tandas, Bilik Wudu')	8044
Jumlah		RM 18732.03

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

1. DUA PLATFORM KUTIPAN DANA (GBP & RM)

- GBP platform (GoFundMe) : fokus kepada komuniti Malaysia di UK, rakan universiti dan masyarakat antarabangsa.
- RM platform (bank transfer Malaysia) : sesuai untuk keluarga dan kenalan di Malaysia.





2. PERMOHONAN AWAL DANA KERAJAAN

- Melakukan permohonan dana, minimum 3 bulan sebelum, kepada badan kerajaan seperti IKRAR, Yayasan Sabah dan pejabat Ketua Menteri.
- Memberi peluang untuk proses permohonan, semakan dan kelulusan.

3. POSTING KEMPEN DERMA DI MEDIA SOSIAL LEBIH KONSISTEN

- Membuat jadual posting media sosial, minimum 1 kali seminggu.
- Memuat naik kandungan seperti poster kempen derma, perkembangan pengumpulan dana dan video ringkas cerita dan isu komuniti.
- Membina momentum yang boleh membawa kepada lebih banyak sumbangan.

4. AGIHAN TUGAS BIRO MEDIA

- Mewujudkan unit-unit biro media yang lebih spesifik untuk menjaga kebajikan peserta sukarelawan yang bertugas.
- Contoh: unit fotografi, unit videografi, unit penyuntingan dan unit media sosial.



5. BILANGAN SUKARELAWAN

- Jumlah minimum 10 orang sukarelawan yang diperlukan untuk projek seterusnya; 5 lelaki dan 5 perempuan
- Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan pengagihan tugas semasa perbincangan dan pelaksanaan aktiviti secara dalam talian, di samping memastikan tenaga kerja yang mencukupi bagi menjalankan tugasan di lapangan.

6. PENGURUSAN TIKET PENERBANGAN

- Mengumpulkan bayaran tiket penerbangan daripada semua ahli selewat-lewatnya dua bulan sebelum program bermula.
- Melantik biro tugas khas untuk membuat tempahan tiket penerbangan pergi dan balik secara serentak bagi semua ahli.



KALAM PENGARAH

Bismillah, segala puji bagi Allah SWT Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan teragung Nabi Muhammad SAW. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada pihak ISMA UK - EIRE atas kepercayaan, peluang dan bimbingan yang diberikan kepada saya dan para sukarelawan untuk melaksanakan projek ini. Saya turut bersyukur kepada pihak Yayasan Ikhlas Semporna atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang pelaksanaan projek daripada hari pertama sehingga hari terakhir. Pujian dan penghargaan juga kepada semua sukarelawan yang sanggup meluangkan seluruh masa, tenaga dan usaha demi menjayakan projek ini dan tidak lupa juga semua pihak yang terlibat mahupun secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Projek ini dapat dilihat memberi kesan yang sangat bermakna terhadap penduduk - penduduk di Semporna, Sabah. Sekolah - sekolah yang kami kunjungi menunjukkan semangat ingin belajar yang tinggi di kalangan para pelajar, malah mereka tidak menjadikan persekitaran sebagai halangan meskipun mempunyai cabaran yang tersendiri dan kebanyakannya serba kekurangan. Penduduk kampung juga dilihat menyambut baik kedatangan kami dan menerima dengan terbuka bantuan bakul makanan yang telah kami sediakan. Anak - anak yang kami santuni turut sangat gembira dengan kehadiran kami untuk melakukan aktiviti bersama mereka.

Saya berharap projek ini dapat membawa perubahan yang baik bukan sahaja di dalam diri para sukarelawan malah kepada seluruh masyarakat terutama golongan pelajar agar lebih sedar dan cakna tentang realiti yang wujud di Malaysia. Pihak yang bertanggungjawab juga perlu memberi perhatian dan usaha yang berterusan dalam menangani isu ini dengan lebih berkesan. Semoga ini menjadi titik mula di dalam hidup masing - masing untuk lebih berbakti kepada masyarakat dan menjadi insan yang lebih matang dalam menjalani kehidupan. Akhir kata, saya berdoa supaya jasa baik dan usaha yang dicurahkan sepanjang projek ini menjadi asbab kebaikan untuk menjadi hamba-Nya yang beriman.

Laporan ini disediakan oleh,

Muhammad Hafiy Bin Nazri
Pengarah Projek Borneo :
Misi Semporna 2026





Sempurnakan Semporna